

**Teks Ucapan Aluan**  
**Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon**  
**Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah**  
**Pelancaran Citra 1Malaysia 14 Oktober (Khamis)**

Bismillahir Rahmanir Rahim,

Assalamualaikum WBT, selamat sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Yang Berhormat Datuk Jahid Jahim  
Pembantu Menteri Belia dan Sukan Sabah

Pegawai-Pegawai Utama Universiti Malaysia Sabah

Pegawai-Pegawai Kanan UMS

Tuan-tuan dan puan-puan, siswa-siswi yang dikasihi sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya kita dapat bersama-sama pada hari ini bagi menjayakan program 1Best Malaysia Zon Sabah. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Datuk Jahid Jahim, Pembantu Menteri Belia dan Sukan Sabah atas kesudian untuk meluangkan masa bersama-sama dengan kita pada malam ini. Biarpun sibuk dengan jadual tugas kerja harian yang padat Yang Berhormat Datuk masih dapat meluangkan masa untuk bersama-sama dengan kita. Sekali lagi setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan.

Tidak lupa juga kepada semua pihak yang memberikan sokongan kepada program 1Best Malaysia khususnya kepada semua institusi pengajian tinggi yang terlibat

secara langsung dan mengambil bahagian dalam program 1Best Malaysia pada kali ini. Program ini sebenarnya tidak mampu berjalan dengan lancar tanpa kerjasama daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM), UniRazak, Politeknik, Institut Latihan Perindustrian, Institut Kemahiran Mara, Kolej Komuniti Yayasan Sabah, Masterskill dan Institut-Institut Pengurusan Sabah. Selain itu, kerjasama daripada beberapa agensi seperti Jabatan Pelajaran Negeri Sabah, Majlis Belia Sabah, Majlis Kebudayaan Negeri Sabah dan Persatuan Kebudayaan Kadazan-Dusun (KDCA) telah memastikan program ini akhirnya berlangsung dengan jayanya. Sekali lagi terima kasih atas sokongan dan kerjasama yang diberikan.

Yang Berhormat Datuk, Hadirin dan Hadirat Sekalian,

Saya bagi pihak Universiti Malaysia Sabah amat berbangga apabila Universiti ini diberi penghargaan untuk menganjurkan Program 1 Malaysia di Zon Sabah. Tema “1 BeST Malaysia” yang dipilih khas bagi menjayakan program ini sememangnya amat bertepatan sejajar dengan jolokan yang diberikan kepada Negeri Sabah sebagai salah satu model perpaduan yang terbaik dalam konteks masyarakat majmuk. Sempena pelancaran Citra 1 Malaysia malam ini, saya menyeru agar semua mahasiswa/i yang berada di depan saya pada malam ini akan terus sedar akan tanggungjawab sosial masing-masing dalam menjaga keharmonian dan kestabilan diri dalam kehidupan yang dikelilingi pelbagai budaya, adat resam serta etnik yang berbeza-beza. Mentaliti haruslah dididik dengan semangat patriotisme yang menyatakan ‘saya atau kita adalah rakyat Malaysia’. Ungkapan ini harus disematkan di hati sanubari kita kerana saya percaya, ianya akan membawa diri kita sentiasa berfikiran positif. Dengan mentaliti ini, maka pastinya konsep 1 Malaysia

yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak ini akan terus dapat dijayakan.

Para Hadirin Sekalian,

Program Citra 1Malaysia ini akan diadakan selama 3 hari iaitu bermula pada hari ini sehingga Sabtu. Pelbagai pengisian sepanjang program telah dirancang dimana hasil budaya bangsa Malaysia akan dipersembahkan melalui pelbagai cara seperti pameran dan gerai, persembahan muzik tradisional, lagu-lagu asli tempatan, lagu patriotik dan busana pakaian tradisi. Selain itu turut diadakan juga pidato bahasa ibunda, pertandingan bercerita kanak-kanak dalam bahasa ibunda, pertandingan melukis kanak-kanak serta syarahan perdana oleh tokoh negarawan selain forum antara kaum dan teater. Oleh itu, saya menyeru kepada semua mahasiswa/ sekalian agar mengambil kesempatan ini, untuk mengenali dan saling berinteraksi dengan lebih dekat lagi keunikan budaya dan tradisi yang terdapat di Negeri Sabah ini.

Saya percaya Program 1Best Malaysia pada kali ini akan memberi pelbagai input yang berguna kepada hadirin sekalian, lebih-lebih lagi kepada golongan mahasiswa dan mahasiswi. Sehubungan itu, saya mohon kiranya para pelajar sekalian dapat memanfaatkan sepenuhnya segala ilmu yang diperoleh sepanjang program ini berlangsung.

Harapan saya Program 1BeST Malaysia ini dapat menterjemahkan makna sebuah negara Malaysia yang bersatu padu lagi berdaulat dalam kepelbagaian bangsa, suku kaum, bahasa, agama, adat, kesenian dan kepercayaan kepada seluruh peserta. Semoga 1 BeST Malaysia akan terus menjulang nama Negara, bangsa

patriotik, bersatu atas nama 1 Bangsa 1 Negara melalui 1 Budaya dan 1 Suara. Kita bangga menjadi warga Malaysia.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Jahid Jahim kerana sudi bersama-sama kita bagi menyemarakkan lagi majlis yang amat bermanfaat ini. Syabas dan tahniah saya ucapkan juga kepada seluruh jawatankuasa penganjur serta semua pihak yang telah berusaha gigih merealisasikan program yang penuh dengan semangat patriotisme ini. Sesungguhnya, Program 1Best Malaysia sangat bertepatan dalam memberi motivasi dan kesedaran sekaligus memberi pendedahan serta memupuk semangat patriotisme yang tinggi di kalangan mahasiswa dan mahasiswi universiti.

Sekian, Terima Kasih.